

01 AUG 1997

JOHOR SOKONG PENUH CADANGAN SERAGAMKAN UNDANG-UNDANG ISLAM

JOHOR BAHARU, 1 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman berkata kerajaan negeri menyokong penuh cadangan kerajaan pusat untuk menyeragamkan undang-undang Islam.

"Kami (Menteri-menteri Besar) telah diberi taklimat oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara itu semalam," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Abdul Ghani berkata kerajaan pusat dan kerajaan-kerajaan negeri akan sama-sama menyeragamkan undang-undang Islam.

"Bagi pihak kerajaan negeri Johor, kami menyokong inisiatif kerajaan pusat untuk mengkaji dan membawa kepada penyeragaman undang-undang itu," kata beliau.

Cadangan penyeragaman itu bagi mengatasi pelbagai masalah yang dihadapi berkaitan pelaksanaan undang-undang Islam yang berbeza-beza antara negeri-negeri.

Pada Mesyuarat Majlis Raja-raja Melayu ke-176, semalam, Raja-raja Melayu kecuali Sultan Kedah bersetuju dengan cadangan kerajaan pusat untuk menyeragamkan undang-undang Islam di semua negeri. -- BERNAMA

MKO oba